

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN SUTERA HARBOUR RESORT

TEMPAT : KOTA KINABALU, SABAH

TARIKH : 26 JUL 2000

MASA:

Saya berasa gembira kerana dijemput untuk merasmikan Sutera Harbour Resort yang besar dan indah ini.

2. Pelancongan merupakan salah satu sumber pendapatan negara yang terpenting. Potensinya amat besar dan kita masih di peringkat permulaan dalam mengeksploitasi industri ini. Kerajaan memang memberi tumpuan yang istimewa kepada industri pelancongan dan pelbagai langkah serta usaha diambil untuk meningkatkan kemudahan dan aktiviti pelancongan di negara kita.

3. Saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan negeri Sabah di atas usahanya membangun dan memperkenalkan satu lagi produk baru pelancongan negara. Pembangunan kompleks pelancongan ini pasti akan turut menyumbang ke arah menambah lagi kemudahan untuk para pelancong. Kompleks Sutera Harbour ini adalah satu kemudahan pelancongan yang serba lengkap yang dapat memenuhi permintaan pelancong dari dalam dan luar negara. Pemiliknya hendaklah berusaha mempromosikan kemudahan ini supaya ia dikenali ke seluruh dunia dan mendapat sambutan yang baik.

4. Kerajaan telah memperuntukkan jumlah kewangan yang agak besar bagi memajukan industri pelancongan negara. Ini termasuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan pelancongan serta promosi pelancongan di luar negara. Rakyat kita, khususnya mereka yang berkecimpung dalam industri ini haruslah berusaha memastikan supaya industri pelancongan negara terus berkembang maju, segar dan menarik. Kita haruslah berusaha menjaga imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang selamat, meriah, menarik dan popular di rantau ini. Kalau dulu, kita telah menumpukan perhatian kita kepada usaha-usaha membangunkan tempat-tempat pelancongan tetapi kini kita perlu memastikan bahawa destinasi-destinasi pelancongan yang dibangunkan itu mempunyai kualiti yang tinggi daripada semua segi termasuklah memberikan perkhidmatan yang bermutu, penjagaan kebersihan dan alam sekitar, memberi layanan yang mesra dan bersopan santun serta mengenakan harga atau bayaran yang berpatutan.

5. Salah satu aspek pelancongan kini yang mudah menarik pelancong asing ialah produk pelancongan yang berkonsepkan mesra alam. Kita sedar memasarkan alam semula jadi sebagai tarikan pelancongan adalah amat sensitif dan ianya akan membuka peluang kepada pelbagai kritikan dan tuduhan terutamanya daripada pihak Barat bahawa kita merosakkan alam semula jadi. Isu-isu seperti kebersihan air, pencemaran sungai, tanah runtuh dan pembalakan adalah antara perkara penting yang perlu diambil perhatian secara jangka panjang apabila hendak membangunkan sesuatu destinasi pelancongan. Langkah ini juga penting bagi kita memelihara dan menjamin aset-aset pelancongan itu terus berkekalan.

6. Justeru itu, mana-mana pihak yang ingin membangunkan projek "pelancongan eko" hendaklah mempunyai sikap bertanggungjawab dan prihatin terhadap penjagaan alam sekitar. Janganlah dalam keghairahan kita berlumba-lumba mengaut keuntungan, kita mengabaikan tanggungjawab untuk memelihara alam semula jadi yang tidak ternilai ini daripada pupus atau musnah begitu sahaja. Peliharalah alam semula jadi kerana ianya adalah aset yang tidak ternilai harganya.

7. Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan terus memastikan industri pelancongan ini diurus berlandaskan 'sustainable development' khususnya kepada sumber-sumber alam serta mempelbagaikan program promosi pelancongan di dalam dan di luar negara.

8. Industri pelancongan telah memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan ekonomi negara. Ia juga antara industri yang kukuh dan telah berjaya menarik minat pelabur dan usahawan bergiat cergas dalam industri yang berorientasikan perkhidmatan ini. Mengikut perangkaan World Tourism Organisation (WTO) jumlah pelancong seluruh dunia dalam tahun 1999 adalah seramai 663 juta orang dengan jumlah perbelanjaan sebanyak 453 bilion Dolar Amerika iaitu pertumbuhan sebanyak 4.1 peratus dan 3.0 peratus berbanding tahun 1998.

9. Pada masa yang sama, kawasan Asia Pasifik dikatakan sebagai penyumbang utama prestasi positif industri pelancongan dunia. Ketibaan di kawasan Asia Pasifik pada tahun 1999 adalah 97 juta pelancong, pertumbuhan sebanyak 10.5 peratus berbanding tahun sebelumnya.

10. WTO juga menganggarkan bahawa jumlah pelancong seluruh dunia bagi tahun 2010 akan meningkat kepada satu bilion orang dan 1.6 bilion pada tahun 2020.

11. Prestasi lembab industri pelancongan Malaysia pada tahun 1997 dan 1998 adalah berpunca daripada kegawatan ekonomi berikutan krisis matawang yang berlarutan

melanda seluruh Asia Timur. Beberapa peristiwa utama seperti kes denggi, jerebu, wabak virus "Coxsackie B" dan taun turut mempengaruhi dan memberi kesan kepada senario lembab tersebut.

12. Namun berkat kejayaan Kerajaan menangani segala masalah yang timbul termasuk kegawatan ekonomi, industri pelancongan pada tahun 1999 telah berkembang semula dan menjadi salah satu penyumbang utama serta pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara. Ini dapat dilihat daripada indikator-indikator berikut:-

- Seramai 7.93 juta pelancong telah melawat Malaysia tahun 1999, jumlah tertinggi yang pernah dicatat oleh industri pelancongan negara. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 42.9 peratus dari tahun sebelumnya iaitu 5.55 juta pada tahun 1998.

- Sektor pelancongan menjana 12.3 bilion Ringgit pada tahun 1999 berbanding dengan 8.58 bilion Ringgit pada tahun 1998.

- Jumlah penawaran bilik hotel telah bertambah kepada 109,413 bilik berbanding dengan 107,791 bilik pada 1998.

13. Industri pelancongan adalah amat luas dan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti percutian dan bersantai sahaja. Malah ianya amat luas hingga meliputi aktiviti-aktiviti lain yang mungkin dianggap oleh sesetengah pihak tidak ada kena mengena dengan pelancongan seperti aktiviti sukan dan rekreasi. Hasil yang diperolehi daripada penganjuran 'sports tourism' adalah lebih lumayan dan amat berfaedah kepada penganjur dan negara. Bagaimanapun untuk menganjurkannya terutama aktiviti yang bertaraf dunia memerlukan komitmen yang tinggi bukan sahaja daripada segi kemudahan, kepakaran malah kewangan yang besar.

14. Kerajaan amat serius untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan sukan di rantau ini. Kejayaan kita menganjurkan sukan bertaraf antarabangsa seperti Lumba Kereta Formula 1, Sukan Komanwel Kuala Lumpur 98, Le Tour De Langkawi, Kinabalu Mountain Run, Cameron Descent dan sebagainya membuktikan kita mampu menganjurkan acara sukan bertaraf dunia. Usaha terbaru Kerajaan sekarang adalah untuk mendapatkan hak menganjur Sukan Asia tahun 2006.

15. Pendekatan pemasaran bagi menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama telah melalui beberapa tahap. Sebelum tahun 1990, strategi pemasaran lebih menekankan kepada menyedarkan secara umum bahawa Malaysia adalah destinasi pelancongan. Selanjutnya pendekatan tersebut telah diubah dengan menjurus kepada promosi acara-acara sebagaimana kempen Tahun Melawat Malaysia 1990 dan Tahun Melawat Malaysia 1994. Bermula

tahun 1995, pendekatan pemasaran mula mengkhusus kepada promosi destinasi yang mempunyai 'unique selling point' yang dipadankan dengan citarasa pelancong.

16. Bagi memantapkan kesinambungan strategi pemasaran tersebut, kempen "Malaysia-truly Asia" telah diperkenalkan pada tahun 1999. Penekanannya adalah memasarkan Malaysia sebagai destinasi budaya yang 'exotic' dengan kebudayaan pelbagai kaum Melayu, Cina, India serta kaum-kaum lain di Sabah dan Sarawak yang hidup dalam harmoni.

17. Selain daripada itu, Kerajaan juga menganjur dan mempromosikan acara-acara yang boleh menarik pelancong secara langsung seperti Karnival Membeli-belah dan Bulan Citrawarna di samping bekerjasama dengan Kerajaan Negeri mempromosikan acara-acara yang dianjurkan di peringkat negeri.

18. Usaha-usaha promosi akan sentiasa dijalankan oleh Kerajaan bagi memastikan kemasukan pelancong ke Malaysia, dan pada masa yang sama penekanan juga diberi kepada pelancongan domestik. Mengikut perangkaan, 15 juta perjalanan domestik akan dicatatkan dalam tahun 2000 berbanding dengan 13.8 juta perjalanan dalam tahun 1997.

19. Budaya melancong dalam negeri perlu disemai pada setiap warganegara Malaysia. Ini perlu kerana penduduk tempatan merupakan pasaran yang telah sedia ada di negara ini, berbanding dengan pelancong asing yang perlu diyakinkan melalui promosi di peringkat antarabangsa untuk melancong ke Malaysia. Pelancong tempatan perlu terus diingatkan tentang produk-produk pelancongan yang sedia wujud di negara ini. Mereka perlu digalakkan melancong dalam negara melalui pakej yang menarik. Tawaran harga yang menarik adalah merupakan faktor penting untuk pelancong tempatan memilih destinasi pelancongan mereka. Selain memberi penekanan kepada usaha menarik pelancong asing kita juga harus berusaha untuk menarik minat rakyat tempatan melancong dalam negeri sendiri.

20. Salah satu perubahan besar dalam kehidupan manusia kini ialah perkembangan teknologi maklumat. Dalam era globalisasi ini, kita perlu cepat bertindak. Kita tidak boleh mengamalkan pendekatan "tunggu dan lihat" untuk mengelakkan diri daripada tercicir ke belakang. Pengusaha-pengusaha industri pelancongan tempatan hendaklah memanfaatkan era teknologi maklumat dengan menggunakan internet untuk mempromosi dan memasarkan produk mereka. Sekiranya pengusaha-pengusaha industri pelancongan tempatan hanya melihat syarikat pelancongan asing sahaja mengeksploit E-dagang dalam mempromosi produk mereka nescaya kita akan ketinggalan dan kehilangan pelanggan serta pasaran. Kita perlu bersedia melibatkan diri dalam arena persaingan baru

tersebut yang tidak boleh dielakkan di masa depan.

21. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Sutera Harbour Resort ini.